

Sambutan Hari Keluarga UMS



Tan Sri Prof. Dr. Abu Hassan (tengah) sedang memotong kek sempena Hari Keluarga Ke-5 UMS.

MERIAH! Seramai 800 ahli keluarga warga UMS telah datang ke Hari Keluarga Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-5 yang telah diadakan pada 7 dan 8 Jan 2005 bertempat di UMS-ODEC baru-baru ini. Hari keluarga kali ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Naib Canselor pertama UMS, Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman telah merasmikan hari keluarga tersebut. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa sebagai satu institusi keluarga, amatlah penting bagi semua pihak tidak kira pangkat, jawatan dan kedudukan untuk meneruskan dan meningkatkan hubungan kemesraan, kerjasama, perpaduan, saling bantu membantu dan persefahaman antara satu sama lain. Dalam hal ini, timbangrasa dan semangat *esprit de corps* adalah penting bagi memastikan segala amanah dan tanggungjawab yang dipikul dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Hari keluarga yang telah berlangsung selama dua hari ini telah disertai oleh semua jabatan dan sekolah yang dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu Sri Sipadan, Sri Mamutik, Sri Manukan dan Sri Dinawan.



Acara permainan bola sepak pantai sedang berlangsung.



Ahli keluarga warga UMS dalam pertandingan melukis kanak-kanak.

Di antara acara yang diadakan ialah pertandingan memancing, HAKUMS Idol 2005, senamrobik, cabutan nama bertuah, pertandingan bayi sihat, bola sepak pantai dan beberapa acara lain.

...sambungan dari muka 11

universiti iaitu pengantarabangsaan, pembangunan sumber manusia, penyelidikan, governan, pembangunan pelajar dan pembiayaan dan penjanaan pendapatan.

Melalui perbincangan menyeluruh yang dikupas sepanjang majlis ini berlangsung, ianya telah menghasilkan beberapa resolusi yang akan dapat membantu dalam membentuk hala tuju dan menjadi dasar yang boleh digunapakai oleh Kementerian Pengajian Tinggi dalam memartabatkan intelektualiti dan seterusnya mampu menjadikan IPTA di Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan yang terulung di rantau ini.

Sebelum itu, pada 17 Januari 2005 tersebut juga turut berlangsung Majlis Mesra Media bersama Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Dato' Dr. Hj Shafie Hj Mohd. Salleh.

Majlis Mesra Media anjuran Sekretariat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa (SPKA-IPTA) ini telah dihadiri oleh Naib-Naib Canselor dan Rektor IPTA, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Ahli-Ahli SPKA-IPTA dan pihak media Malaysia.



PENGANTARABANGSAAN... Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman, Naib Canselor Pertama UMS memberi penerangan berkenaan topik yang dibincangkan.